

**KAJIAN TERHADAP PERANCANGAN DAN
PELAKSANAAN PUSAT SUMBER
ELEKTRONIK DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH DI NEGERI PERAK DARUL
RIDZUAN**

oleh

MD.SALEHUDDIN BIN HJ. MAASUM

**Laporan Penyelidikan yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat**

Oktober 2001

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah atas limpah kurnia, petunjuk serta hidayah Nya membolehkan saya menghasilkan laporan penyelidikan seperti yang dirancangkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Puan Fuziah bt. Mohd Nadzar, pensyarah kanan Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, yang telah memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang amat bernilai sepanjang penyelidikan dan penulisan laporan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, Penyelaras Kursus Sarjana Pengurusan Maklumat dan pensyarah-pensyarah bagi program ini yang tidak jemu-jemu mencurahkan ilmu dan bakti dalam mendidik saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Pengetua-Pengetua dan Guru-Guru Penyelaras Pusat Sumber Sekolah menengah di Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah menjadi responden serta memberikan kerjasama yang erat dalam menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan teristimewa buat isteri yang telah banyak bersabar serta gigih dalam meniupkan semangat dan dorongan di sepanjang pengajian dan penulisan laporan ini. Tidak lupa kepada anak-anak, Hanis Salihah, Noor Aq'Lili Salihin dan Noor Zaidee Solihin yang memberikan ilham dan ketenangan di sepanjang pengajian ini. Ucapan terima kasih juga untuk ibu, bapa dan kaum keluarga di atas doa dan restu serta sokongan moral yang diberikan sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang telah membantu dan memberikan kerjasama sepanjang penyelidikan dan penulisan laporan ini.

KANDUNGAN

Mukasurat

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Kata Singkatan	ix
Senarai Lampiran	x
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Abstrak	xiii
Abstract	xiv

BAB SATU - Pengenalan

1.1. Pendahuluan	1
1.2. Pernyataan Masalah	3
1.2.1. Masalah Fizikal	3
1.2.2. Masalah Kewangan	4
1.2.3. Masalah Pengurusan	5
1.2.4. Kemahiran Menggunakan Peralatan	7
1.2.5. Masalah Penggunaan	7
1.3. Kepentingan Penyelidikan	9
1.4. Objektif Penyelidikan	10
1.5. Kaedah Penyelidikan	11
1.6. Persoalan Penyelidikan	13
1.7. Batasan Penyelidikan	13
1.8. Kesimpulan	15

ABSTRAK

Kajian terhadap perancangan dan pelaksanaan PSE di sekolah-sekolah menengah di negeri Perak Darul Ridzuan ini telah dijalankan ke atas 53 buah sekolah menengah. Guru-guru penyelaras PSS telah menjadi respondennya melalui tinjauan. Pemerhatian dan temubual dijalankan di 10 buah sekolah. Objektif kajian ini ialah : 1) untuk mengetahui kepentingan PSE, 2) meninjau persediaan yang dibuat di sekolah, 3) sejauh mana pelaksanaan telah dilakukan, 4) masalah-masalah yang dihadapi, 5) cadangan-cadangan yang diberi, dan 6) menentukan kategori PSE. Kajian yang dijalankan meliputi konsep PSE, kemudahan fizikal, kewangan, perkakasan dan perisian, pengurusan, perkhidmatan, penggunaan dan juga aspek keselamatan. Maklumbalas yang didapati telah dianalisa dengan menggunakan 'SPSS 7.5 for Windows'. Dapatan yang dirumus boleh menjadi rujukan kepada pihak PSS, sekolah, PKG, PSPN, BTP dan agensi-agensi lain untuk merealisasikan penubuhan PSE. Sebagai kesimpulan, didapati 15.1% (18) buah PSS tidak melaksanakan PSE, 52.83% (28) sekolah dikategorikan berada pada di tahap perancangan awal, 47.16% (25) sekolah di tahap perancangan akhir, 49.05% (26) sekolah di tahap pelaksanaan pasif dan 9.43% (5) sekolah di tahap pelaksanaan aktif. Dengan pengurusan yang baik, dan mendapat sokongan dari semua pihak, PSE akan berjaya dilaksanakan di semua sekolah di negara ini.

BAB SATU

Pengenalan

1.1. PENDAHULUAN

Sistem pendidikan di Malaysia adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) bagi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Objektif utamanya adalah untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya menyumbang kepada kemakmuran negara (Awang Had, 2000). Bagi melahirkan pelajar yang selari dengan kehendak FPN, penekanan seimbang diberi kepada bidang kurikulum, kokurikulum dan aspek rohani pelajar. Aspek rohani dan kokurikulum dapat menyediakan pelajar yang cergas dan berdisiplin. Kurikulum yang menekankan aspek pembelajaran akan melahirkan pelajar yang mempunyai maklumat lengkap bagi menghadapi masa depan mereka.

Selain daripada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dijalankan di bilik darjah, pihak Kementerian Pendidikan telah mengujudkan khutub khanah di setiap sekolah pada awal tahun-tahun 50an. Khutub khanah ini menempatkan koleksi bahan-bahan bacaan bagi menyokong proses P&P. Konsep khutub khanah telah ditukar kepada perpustakaan seterusnya disebut sebagai pusat sumber sekolah (PSS) pada tahun 1983.

PSS ialah tempat bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi bahan P&P dalam bentuk bahan cetak dan bukan cetak yang diurus secara sistematis (Faridah, 1993). PSS memberi maklumat, khidmat dan peluang bagi memperkukuhkan kaedah dan pendekatan P&P untuk menguasai kemahiran bagi keperluan individu serta mempertingkatkan mutu pendidikan ke arah pembentukan masyarakat berfikir, berilmu, gemar membaca, celik maklumat dan